

05 DEC, 2021

Lahir usahawan berkemahiran

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Lahir usahawan berkemahiran

LPP Kelantan bantu peladang kuasai inovasi, teknologi baharu

Oleh SITI FATIMAH AWANG

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan berjaya melahirkan usahawan yang menggunakan kemahiran dan berdaya saing untuk memasarkan pelbagai jenis tanaman menerusi inovasi dan teknologi baharu.

Rata-rata usahawan peladang di negeri itu telah mencipta kejayaan tersendiri melalui bimbingan 21 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan satu Pertubuhan Peladang Negeri (PPN).

Sebelum ini mereka menggunakan cara lama dan kini pelbagai pembaharuan dilakukan untuk menjimatkan masa, tenaga dan kos penyelenggaraan.

Pengarah LPP Kelantan, Mohd Hanifa Awang Su berkata, pihaknya optimis dengan kejayaan peladang-peladang di bawah PPK yang mempunyai masa depan cemerlang untuk memasarkan tanaman ke peringkat luar.

"Apabila berlaku pandemik Covid-19, banyak pasar ditutup dan sayur yang diimport tidak boleh berada dalam pasaran. Peladang-peladang mengambil inisiatif sendiri memasarkan tanaman berkonsep hidroponik dan juga fertigasi.

"Kerajaan menyediakan peruntukan



Khairul Salam memegang salah satu bongkah madu kelulut yang ada di kawasan ternakannya di Chekok.



Mohd Adib bersama lada solok yang ditanam di ladang berkenaan bersama rakan-rakannya.

yang bersesuaian melalui Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE2) Prihatin Rakyat, Program Tanaman Kontan B40, Dana Jaminan Makanan Projek Pertanian Organik dan Program Pemasaran Ladang Kontrak melalui Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI) kepada LPP," katanya kepada *Sinar Harian*.

Salat terbaik

Projek hidroponik salad yang dijalankan secara korporat di PPK Pengkalan Chepa menjadi contoh di seluruh Malaysia berikutan kos penyelenggaraan dan sistem tanaman yang dilakukan lebih menjimatkan dan selamat.

Pengurus Besar PPK berkenaan, Zainisham Idris berkata, pihaknya telah melakukan kajian mengenai kaedah tanaman tersebut pada tahun 2019 dan

Kini PPK tersebut mendapat kepercayaan dan menjalinkan kerjasama melalui pemasaran dengan beberapa syarikat pasar raya.

mengusahakannya pada awal Januari 2020.

Kini PPK tersebut mendapat kepercayaan dan menjalinkan kerjasama melalui pemasaran dengan beberapa syarikat pasar raya.

"Kami mengambil masa beberapa bulan untuk mengkaji penanaman ini. Alhamdulillah, kami temui teori dan formula baharu yang lebih jimat berbanding biasa.

"Kaedah ini menghasilkan sayur yang segar dengan pembajaan yang cukup tanpa menggunakan racun. Insya-ALLAH kita akan perluaskan kawasan penanaman salad ini bagi memenuhi permintaan," katanya.

Selain itu, pihaknya turut menyediakan khidmat nasihat kepada mereka yang ingin mendapatkan formula dari segi penjimatan masa dan tenaga.

LPP turut membantu usahawan secara berkelompok melibatkan tanaman timun, lada solok dan juga cili kulai di beberapa kawasan di sini.

Salah seorang peserta berkelompok yang juga Ketua Projek PPK Pulau Chondong, Mohd Adib Mohd Zamri berkata, tanah seluas dua hektar yang diusahakannya bersama rakan-rakan kini mampu menjana puluhan ribu ringgit.

"Kami bermula pada tahun 2020 dan alhamdulillah hasil tanaman tidak berdepan masalah. Kami mengutip hampir 2 tan metrik lada kulai sehari manakala timun dan cili solok pula lebih kurang 200 kilogram (kg).

"Hasil tanaman di pasarkan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), PPK Bukit Awang, PPK Kuala Langat, PPK Kluang, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (Fama) dan orang perseorangan.

"Kami menawarkan harga yang berpatutan dengan kualiti hasil tanaman yang terjamin," katanya yang mengusahakan tanaman itu di Kampung Tok Kaya, Pulau Chondong.

Ladang itu menjadi mercu tanda kejayaan usahawan berkelompok yang menghasilkan tanaman berkualiti melalui 11,000 polibeg secara fertigasi gantung dengan hanya seramai 15 peladang.

Dalam perkembangan sama, LPP juga membantu usahawan secara individu dengan pemberian dana di bawah Tabung Pembangunan Usahaniaga LPP (TPUP), Tabung Pembangunan Usahawan Kortani LPP (TPUK) dan Program Pemeraksanaan Usahawan Peladang (Rise Up).

Madu berkualiti

Seorang usahawan kelulut di PPK Chetok, Khairul Salam Daud berkata, minat yang mendalam menyebabkan dia nekad membuka ladang kelulut di sekitar kediamannya di Kampung Jenerih 7.

Melalui bantuan dan tunjuk ajar LPP, kini dia mempunyai lebih 450 bongkah madu kelulut yang boleh menghasilkan lebih 700 kg madu untuk setiap musim.

"Bantuan daripada LPP memudahkan saya memasarkan madu kelulut ini dengan skop yang lebih besar lagi.

"Buat masa ini saya pasarkan kepada beberapa pemborong utama di Kota Bharu dan Kuala Lumpur," katanya yang mahu menjadikannya madu kelulut sebagai produk pelancongan.

Sementara itu, LPP membawa perubahan kepada usahawan dan peladang melalui Program Smarcard Peladang (Peladang i) iaitu kerjasama strategik LPP Bersama Agrobank.

Kad Pintar Keluarga Peladang (Peladang-i) berkonsepkan perbankan dengan menggabungkan tiga dalam satu iaitu menjadi kad identiti keahlian PPK, transaksi pembayaran tanpa tunai dan dilengkapi perlindungan Takaful Kasih Plus sehingga RM 5,000 dengan hanya bayaran RM 5 setahun.


Sebelum ini, Ketua Pengarah LPP, Datuk Azulita Salim berkata, Kad Peladang-i adalah salah satu inisiatif kerajaan untuk memperkasakan dan melonjakkan penggunaan teknologi digital dalam kalangan usahawan/peladang ke arah dunia digitalisasi LPP dalam menerajui Industri Pertanian Negara ke arah Revolusi Industri (IR 4.0).



Cili Kulai (antara tanaman yang diusahakan PPK Pulau Chondong di Machang).



Mohd Hanifa (tengah) sentiasa memastikan usahawan di bawah PPK mampu pergi lebih jauh menerusi produk tanaman.



05 DEC, 2021

Lahir usahawan berkemahiran

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

LPP Kelantan bantu peladang kuasai inovasi, teknologi baharu

Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) Kelantan berjaya melahirkan usahawan yang menggunakan kemahiran dan berdaya saing untuk memasarkan pelbagai jenis tanaman menerusi inovasi dan teknologi baharu. Rata-rata usahawan peladang di negeri itu telah mencipta kejayaan tersendiri melalui bimbingan 21 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dan satu Pertubuhan Peladang Negeri (PPN). Sebelum ini mereka menggunakan cara lama dan kini pelbagai pembaharuan dilakukan untuk menjimatkan masa, tenaga dan kos penyelenggaraan.